



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

PINDAAN AKTA 672 LULUS: KERAJAAN KUAT KUASA PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT MULAI 1 JANUARI 2026

PUTRAJAYA, 31 Disember 2025 – Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menguatkuasakan **Perintah Khidmat Masyarakat di bawah Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007) bermula 1 Januari 2026** sebagai hukuman untuk menangani isu pembuangan sampah kecil di tempat-tempat awam.

Hukuman ini dilaksanakan menerusi pindaan Akta 672 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada Ogos 2025 dan dibentangkan di Dewan Negara pada bulan yang sama. Akta 672 akan dikuatkuasakan bersama-sama Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pelaksanaan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat ini akan mulai berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, dan Kedah serta dua (2) Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bagi negeri Pulau Pinang, Selangor, Kelantan dan Terengganu yang tidak menggunakan Akta 672 pelaksanaan perintah khidmat masyarakat akan bermula secepat mungkin tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

Selain Perintah Khidmat Masyarakat, pesalah juga boleh dikenakan denda RM2,000 hingga RM10,000 bagi kesalahan sama. Penguatkuasaan Perintah Khidmat Masyarakat ini adalah sebagai tambahan kepada denda tersebut dan bukan bertujuan menggantikan denda sedia ada.

Walaupun, hukuman Perintah Khidmat Masyarakat hanya boleh diperintahkan kepada pesalah selepas disabitkan kesalahan oleh mahkamah.

Pesalah yang disabitkan dengan hukuman ini perlu menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sehingga 12 jam dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh sabitan.

Perintah Khidmat Masyarakat merangkumi aktiviti-aktiviti berkaitan kebersihan seperti yang berikut:

- i. Mengutip sisa pepejal
- ii. Menyapu sisa pepejal
- iii. Mencuci
- iv. Mengelap lantai
- v. Mengecat
- vi. Membuang sisa pepejal
- vii. Memotong rumput
- viii. Mengalihkan bangkai; dan
- ix. Membersihkan sarang labah-labah.

Undang-undang tidak menghendaki pesalah menghabiskan tempoh 12 jam dalam satu (1) sesi berterusan. Penjadualan dan pengawasan akan ditentukan oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut perintah mahkamah.

Tindakan enggan, melawan, gagal mematuhi, atau melarikan diri daripada Perintah Khidmat Masyarakat merupakan satu kesalahan berasingan di bawah peruntukan undang-undang yang dipinda. Jika disabitkan kesalahan atas ketidakpatuhan tersebut, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM10,000.

Pengawasan dan penguatkuasaan akan dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa daripada agensi sedia ada seperti yang berikut:

- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dan
- Pegawai yang diberi kuasa yang dilantik di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, termasuk pegawai dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta tersebut.

KPKT juga telah menetapkan mekanisme kawalan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai semasa menangkap suspek atau ketika menyelaras perintah ini. Tindakan mesti disokong oleh bukti sah seperti

pemerhatian langsung, kenyataan saksi, bukti foto atau video seperti yang tertakluk di bawah Akta Keterangan 1950.

Pegawai yang terlibat juga tertakluk kepada peraturan tatatertib dalaman dan garis panduan pentadbiran serta Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Jenis Perkhidmatan Komuniti dan Tatacara Penyeliaan Prestasi Perkhidmatan Komuniti) 2026.

Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat adalah untuk mendidik. Objektif keseluruhan langkah ini adalah untuk menanam kesedaran, tanggungjawab, dan rasa hormat terhadap kebersihan alam sekitar dan bukannya menghukum secara berlebihan.

Orang awam boleh mengemukakan aduan kepada SWCorp menerusi talian 013-210 7472 (Whatsapp) atau Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) SWCorp di swcorp.spab.gov.my.

KPKT komited untuk memastikan kebersihan di tempat-tempat awam kekal berterusan. Kempen-kempen kesedaran kebersihan akan terus digembleng supaya usaha menjadikan Malaysia bersih dan sihat seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI dapat dicapai sepenuhnya.

#MalaysiaMADANI
#Hormat
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), URBANICE Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

